BALA KRISHNAN APPALA NAIDU A

lwn.

KETUA INSPEKTOR PRABAKARAN SHANMUGAM & YANG LAIN B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
VT SINGHAM H
[GUAMAN SIVIL: S-21-159-2002]
28 OKTOBER 2010 C

KETERANGAN: *Keterangan baru atau selanjutnya - Permohonan untuk mengemukakan - Sama ada permohonan dibuat dengan suci hati - Kelambatan memfailkan - Sama ada permohonan satu penyalahgunaan proses mahkamah - Faktor-faktor untuk dipertimbangkan - Sama ada keterangan baru lengkap dan relevan - Tan Kah Kian v. Liew Chin Chuan* D

Tuntutan plaintif di dalam tindakan ini terhadap defendan-defendan adalah bagi gantirugi ke atas penahanan reman beliau secara tidak sah. Berkenaan tindakan ini, plaintif telah memfailkan satu permohonan melalui saman dalam kamar ('lamp. 45') untuk mendapat kebenaran memasukkan keterangan baru, iaitu, (i) diari lokap (ii) buku keluar masuk dan (iii) buku jamin Michael Soosay. Sebelum lamp. 45 difailkan, mahkamah telah menetapkan 20 Oktober 2010 bagi keputusan tindakan plaintif setelah kedua-dua pihak menutup kes mereka masing-masing. Hanya pada 20 Oktober 2010, peguam plaintif memaklumkan mahkamah bahawa lamp. 45 telah difailkan dan memohon untuk satu penangguhan bagi pendengaran permohonan tersebut di mana mahkamah ini telah membenarkannya demi keadilan. E F G

Keputusan (menolak permohonan plaintif (lamp. 45) dengan kos):

(1) Berkenaan prayer (ii) lamp. 45, buku keluar masuk adalah tidak lengkap dan tidak menyatakan apa yang dimaksudkan manakala bagi prayer (iii) lamp. 45, iaitu, buku jamin Michael Soosay, afidavit tidak menyatakan berkenaan apakah relevannya terhadap isu untuk dibicarakan bagi kes ini. (perenggan 10) H I

(2) Afidavit plaintif tidak menyatakan sama ada keterangan baru akan memberi kesan kepada isu yang patut diputuskan oleh mahkamah ini. Lagipun, lamp. 45 adalah remeh, tidak tepat, tidak lengkap dan menyalahgunakan proses mahkamah (*Tan Kah Kian v. Liew Chin Chuan*; diikuti). (perenggan 11, 12 & 14)

(3) Sekiranya keterangan yang dipohon untuk dikemukakan adalah relevan dan akan memberi kesan kepada isu bicara yang telah dipersetujui, keterangan tersebut boleh didapati sebelum perbicaraan dimulakan ataupun selepas plaintif menutup kesnya. Walaupun permohonan dibuat lewat dan sekiranya permohonan adalah untuk mengemukakan keterangan selanjutnya sebelum mahkamah memberi keputusan, mahkamah boleh memberi pertimbangan secara kehakiman untuk permohonan tersebut sekiranya ianya dibuat dengan suci hati, tidak mengkaburi isu yang telah dipersetujui dan tidak menimbulkan sebarang ketidakadilan kepada pihak penentang. (perenggan 14 & 15)

(4) Plaintif tidak boleh menerima sebarang keistimewaan daripada mahkamah untuk mengemukakan keterangan di atas kemudahan atau "at the leisure of the plaintiff". Oleh yang demikian, lamp. 45 tidak mempunyai asas dari segi undang-undang melainkan permohonan tersebut telah dibuat dengan niat menyalahguna proses mahkamah atau secara tidak suci hati. (perenggan 15 & 16)

Kes-kes yang dirujuk:

Hue Ngee On v. Chai Woo Sien (Sebagai Pegawai Awam Persatuan Hakka Kulai, Johor) [2009] 5 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***

Khor Cheng Wah v. Sungai Way Leasing Sdn Bhd [1997] 1 CLJ 396 CA ***(dirujuk)***

Maxwell v. Keun [1928] 1 KB 645 ***(dirujuk)***

Tan Kah Khiam v. Liew Chin Chuan & Anor [2006] 4 CLJ 715 CA ***(diikuti)***

Yong Tim v. Hoo Kok Chong & Anor [2005] 3 CLJ 229 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif/pemohon - Thiru Kumar; T/n M Manoharan & Co
Bagi pihak defendan/responden - Iznain Hj Ishak (Norhafizah Kamardin bersamanya); Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid

PENGHAKIMAN

VT Singham H:

[1] Ini adalah satu permohonan melalui saman dalam kamar (lampiran 45) yang difailkan oleh Tetuan M Manoharan & Co pada 19 Oktober 2010. Permohonan ini adalah untuk mendapat kebenaran untuk memasukkan keterangan baru, iaitu:

(i) diari lokap;

(ii) buku keluar masuk; dan

(iii) buku jamin Michael Soosay.

[2] Saman dalam kamar tersebut disokong oleh affidavit plaintif yang diikrarkan pada 19 Oktober 2010 (lampiran 45A).

[3] Pada 20 Oktober 2010 kes dipanggil untuk keputusan bagi keseluruhan kes. Cik Sri Devi yang menyebut bagi Encik Manoharan, peguam yang mengendalikan kes bagi plaintif bersama seorang peguam Encik Thiru Kumar dan Cik Norhafisah Kamardin, Peguam Persekutuan bagi defendan-defendan hadir. Peguam Encik Thiru Kumar memberitahu mahkamah bahawa beliau dilantik sebagai kaunsel tambahan (additional counsel) oleh plaintif pada dua hari yang lepas. Pada tarikh tersebut, peguam Cik Sri Devi yang hadir bagi pihak Encik Manoharan memaklumkan kepada mahkamah peguam Encik Manoharan tidak dapat hadir di mahkamah kerana beliau terlibat dalam satu kes di Mahkamah Persekutuan. Peguam Cik Sri Devi juga memaklumkan bahawa beliau tidak memohon penangguhan dan Encik Thiru Kumar akan memaklumkan sesuatu kepada mahkamah.

[4] Sebelum tarikh 20 Oktober 2010, Encik Manoharan, peguam yang mengendalikan perbicaraan sehingga kes defendan-defendan ditutup pada 6 Oktober 2010 dan kedua-dua pihak telah memfailkan hujahan-hujahan bertulis dan selesaikan hujahan secara lisan pada 7 Oktober 2010 setuju untuk mahkamah memberi keputusan pada 20 Oktober 2010. Selepas mendengar hujahan-hujahan lisan dan hujahan tambahan, mahkamah ini telah menetapkan keputusan pada 20 Oktober 2010.

[5] Malangnya apabila mahkamah bersedia untuk memberi keputusan pada 20 Oktober 2010, peguam Encik Thiru Kumar memaklumkan beliau telah memfailkan satu permohonan (lampiran 45) dan beliau telah dilantik oleh plaintif sebagai peguam

tambahan. Peguam Encik Thiru Kumar memohon penangguhan pendengaran permohonan tersebut kerana beliau tidak bersedia meneruskan permohonan. Peguam Persekutuan Cik Norhafisah memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau hanya diserahkan salinan permohonan tersebut pada hari yang sama, 20 Oktober 2010 jam 11.25 pagi dan beliau membantah sebarang penangguhan kerana Mahkamah telah menetapkan keputusan pada tarikh 20 Oktober 2010. Walau bagaimanapun, mahkamah ini telah membenarkan permohonan peguam baru plaintif untuk penangguhan demi keadilan. Mahkamah menetapkan tarikh pendengaran permohonan tersebut pada 22 Oktober 2010.

[6] Di sini adalah sesuai untuk menyatakan bahawa pada 7 Oktober 2010 peguam Encik Manoharan telahpun memaklumkan kepada mahkamah bahawa tidak ada apa-apa hujahan tambahan atau lanjutan yang akan diperhujahkan dan mahkamah ini boleh menetapkan tarikh untuk keputusan. Di atas akujanji oleh peguam Encik Manoharan, Encik Iznain bin Hisham, Peguam Kanan Persekutuan memohon kepada mahkamah untuk mengecualikan kehadiran beliau pada 20 Oktober 2010 kerana beliau terlibat dalam kes di mahkamah lain. Di atas persetujuan oleh kedua-dua pihak, Peguam Kanan Persekutuan Encik Iznain memaklumkan kepada mahkamah bahawa Peguam Persekutuan Cik Norhafisah akan hadir pada 20 Oktober 2010 untuk menerima keputusan mahkamah ini.

[7] Sebelum mahkamah memberi keputusan bagi permohonan (lampiran 45) adalah wajar dan perlu mahkamah ini menyentuh secara kronologi bagi latar belakang kes ini secara ringkas.

(a) Pada 19 Ogos 2002 writ saman difailkan oleh plaintif melalui peguamcara di mahkamah ini;

(b) Pada 18 September 2002 memorandum kehadiran bagi defendan-defendan difailkan oleh Jabatan Peguam Negara;

(c) Pada 24 Disember 2002 pernyataan pembelaan telah difailkan;

(d) Pada 1 April 2003 jawapan kepada pernyataan pembelaan telah difailkan;

(e) Pada 22 Januari 2003 notis hadir untuk pengurusan kes pra bicara telah difailkan;

(f) Pada 9 Ogos 2003 saman dalam kamar

(lampiran 15) difailkan oleh Jabatan Peguam Negara bagi defendan untuk meminda pernyataan pembelaan;

(g) Pada 16 Oktober 2003 perintah untuk meminda pembelaan (lampiran 15) diberikan oleh mahkamah;

(h) Pada 16 September 2004 pernyataan pembelaan terpinda telah difailkan;

(i) Pada 26 Oktober 2004 jawapan terpinda telah difailkan;

(j) Fakta-fakta yang dipersetujui dan isu-isu untuk bicara telah difailkan;

(k) Pada 13 Mac 2003 ikatan dokumen defendan yang dipersetujui difailkan oleh Peguam Kanan Persekutuan;

(l) Pada 24 Januari 2006 mahkamah telah menetapkan tarikh bicara 19 sehingga 20 Mac 2007;

(m) Pada 19 Mac 2007 kes ini yang telah ditetapkan untuk perbicaraan telah ditangguh pada 8 Oktober 2007 dan 3 sehingga 4 Disember 2007 untuk bicara;

(n) Pada 8 Oktober 2007 peguam plaintif memaklumkan kepada mahkamah bahawa plaintif tidak dapat dikesan dan tidak diketahui. Peguam plaintif pohon perbicaraan ditangguh kepada 3 dan 4 Disember 2007;

(o) Pada 3 Disember 2007 peguam plaintif pohon penangguhan kerana beliau ada kes di Mahkamah Tinggi, Shah Alam. Mahkamah menetapkan tarikh baru untuk bicara pada 19 hingga 22 Julai 2010. Tarikh 3 dan 4 Disember 2007 dilapangkan;

(p) Pada 12 Januari 2010 kes dipanggil dan dibawa ke hadapan untuk pengurusan kes di hadapan hakim tetapi didapati kes tidak disenaraikan dan tarikh baru diberikan. Peguam plaintif ada hadir di mahkamah pada tarikh tersebut. Mahkamah tangguh kes ke 5 Februari 2010 untuk pengurusan kes;

(q) Pada 5 Februari 2010 kes dipanggil di hadapan pesuruhjaya kehakiman untuk pengurusan kes. Mahkamah tetapkan tarikh bicara pada 6 dan 7 Oktober 2010;

(r) Pada 5 Februari 2010 peguam plaintif memaklumkan kepada mahkamah bahawa tuntutan plaintif adalah gantirugi di atas penahanan reman secara tidak sah. Sebaliknya, Peguam Kanan Persekutuan bagi defendan-defendan memaklumkan mahkamah penahanan adalah sah dan pada tarikh tersebut mahkamah telah kekalkan tarikh bicara pada 6 - 7 Oktober 2010. Sebelum mahkamah menetapkan tarikh bicara kedua-dua pihak telahpun menghadiri untuk pengurusan kes di hadapan pendaftar beberapa tarikh;

(s) Pada 6 Oktober 2010 perbicaraan penuh dimulakan dan kedua-dua pihak telah menutup kes. Kedua-dua pihak telah selesaikan hujah-hujah pada 7 Oktober 2010. Keputusan telah ditetapkan pada 20 Oktober 2010.

(t) Pada 7 Oktober 2010 plaintiff's outline submissions dan plaintiff's bundle of authorities difailkan;

(u) Peguam Kanan Persekutuan juga memfailkan hujahan-hujahan;

(v) Affidavit jawapan (lampiran 47) oleh defendan-defendan kepada permohonan (lampiran 45) difailkan pada 21 Oktober 2010.

(w) Pada 22 Oktober 2010 Peguam Encik M Manoharan dan Encik Thiru Kumar menghadiri bagi pihak plaintif. Peguam Encik M Manoharan memaklumkan kepada mahkamah bahawa permohonan tersebut difailkan oleh Encik Thiru Kumar di atas arahan yang diberi oleh plaintif terus kepada peguam Encik Thiru Kumar. Encik Manoharan juga memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak mengendalikan permohonan tersebut dan tidak ingin berhujah atas permohonan tersebut kerana permohonan tersebut difailkan oleh Encik Thiru Kumar yang dilantik oleh plaintif sebagai peguam tambahan. Malangnya dan segala hormatnya didapati permohonan (lampiran 45) menyatakan di ms. 2 bahawa "Saman Dalam Kamar ini telah diambil oleh Tetuan M Manoharan & Co, Peguambela dan Peguamcara" dan perkara yang sama juga dinyatakan di ms. 3 affidavit sokongan plaintif. Selain daripada menyatakan permohonan difailkan oleh Tetuan M Manoharan & Co, sebagai peguamcara bagi plaintif, mahkamah ini berpendapat tidak perlu untuk menyatakan lebih daripada perkara tersebut.

[8] Setelah meneliti dan membaca saman dalam kamar (lampiran 45), affidavit sokongan plaintif (lampiran 45A), affidavit jawapan Encik Iznain, Peguam Kanan Persekutuan bagi defendan-defendan (lampiran 47), hujah-hujah oleh kedua-dua pihak bersama otoriti-otoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dan penyelidikan oleh mahkamah ini, keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut:

(a) Saman dalam kamar (lampiran 45) tidak memohon untuk membuka semula kes plaintif;

(b) Saman dalam kamar memohon kebenaran untuk masukkan keterangan baru;

(c) Keterangan baru yang dinyatakan, iaitu:

(i) buku diari lokap;

(ii) buku keluar masuk; dan

(iii) buku jamin Michael Soosay.

(ii) Saman dalam kamar tidak memohon untuk memanggil saksi baru;

(iii) prayer (ii) buku keluar masuk adalah tidak lengkap dan tidak dinyatakan apakah yang dimaksudkan. Prayer (iii) bagi buku jamin Michael Soosay tidak menyatakan dalam affidavit apakah relevan terhadap isu bicara bagi kes ini;

(iv) affidavit sokongan tidak menyatakan kenapa keterangan-keterangan yang dinyatakan baru tidak dikemukakan di peringkat kes plaintif;

(v) affidavit plaintif tidak menyatakan kenapa keterangan baru tersebut tidak dikemukakan selepas plaintif tutup kes;

(vi) affidavit plaintif tidak menyatakan kenapa keterangan baru tidak dikemukakan sebelum kedua-dua pihak buat hujah-hujah bagi keseluruhan kes;

(vii) affidavit plaintif tidak menyatakan samada keterangan baru akan memberi kesan kepada isu yang mahkamah ini patut putuskan;

(viii) peguam plaintif Encik Thiru Kumar tidak mengemukakan apa-apa kes yang ada kaitan secara terus kepada permohonan tersebut;

(ix) peguam plaintif Encik Thiru Kumar kemukakan dua kes yang beliau menyatakan tidak dilaporkan secara 'loose sheet', iaitu:

(i) Dalam Mahkamah Rayuan Malaysia
Rayuan Sivil No: J-02-28-2004
Hue Ngee On v. Chai Woo Sien (Sebagai Pegawai Awam Persatuan Hakka Kulai, Johor) [2009] 5 CLJ 734

(ii) In the Federal Court of Malaysia at Penang (Appellate Division)
Civil Appeal No. 02-9-2004(A)
Yong Tim v. Hoo Kok Chong & Anor [2005] 3 CLJ 229

Kedua-dua kes adalah berkaitan dengan keputusan di atas permohonan untuk mengemukakan keterangan baru di peringkat rayuan, dimana adalah tidak berkaitan dengan permohonan plaintif (lampiran 45) di dalam kes ini.

(x) Permohonan plaintif adalah remeh, tidak tepat, tidak lengkap dan didapati menyalahguna proses mahkamah. Peguam plaintif Encik Thiru Kumar langsung tidak membantu mahkamah di atas permohonan tersebut;

(xi) Walau bagaimanapun Peguam Kanan Persekutuan telah membantah sekeras-kerasnya permohonan tersebut dan juga mengemukakan, di antara kes-kes lain, satu kes *Ya Hji v. Fatimah Hj Mohamed Arifin & Ors* yang mungkin memberi kesan;

(xii) Kes *Ladd v. Marshall* tidak terpakai terhadap permohonan yang patut memohon untuk membuka semula kes plaintif untuk mengemukakan keterangan lanjut dan bukan keterangan baru kerana mahkamah masih belum memberi keputusan;

(xiii) Kes yang patut ada berkaitan dan menjelaskan dengan terang bagi permohonan untuk memanggil semula saksi selepas plaintif menutup kes adalah kes *Ong Yok Eng v. Lim*

Mah Yu [1982] 1 MLJ 226 dan kes *Tan Kah Khiam v. Liew Chin Chuan & Anor* [2006] 4 CLJ 715; [2007] 2 MLJ 445 at p. 450 dimana kedua-dua pihak tidak mengemukakan kepada mahkamah;

(xiv) Selain daripada kes *Tan Kah Khiam v. Liew Chin Chuan & Anor* dan seperti yang dinyatakan kepada kedua-dua pihak pada 22 Oktober 2010, saya sendiri telah buat satu keputusan dalam kes Mahkamah Tinggi Ipoh, Guaman Sivil No: 22-256-2002 (1) *Mariayee Pachemuthu v. Sathasivan Kandasamy* yang masih belum dilaporkan.

[9] Di atas alasan-alasan tersebut dan setelah meneliti dan mengikut prinsip yang dinyatakan dalam kes *Tan Kah Kian v. Liew Chin Chuan* dimana prinsip tersebut telah diikuti dalam kes *Mariayee Pachemuthu v. Sathasivan Kandasamy*, mahkamah ini memutuskan bahawa permohonan plaintif adalah tidak tepat, remeh, tidak lengkap dan salahguna proses mahkamah dan tidak mengandungi alasan-alasan yang kukuh dan tidak patut dilayan sama sekali.

[10] Mahkamah ini berpendapat plaintif tidak dibenarkan untuk mengelakkan (circumvent) isu yang telah dipersetujui melalui peguamnya untuk mahkamah ini membuat keputusan. Plaintif tidak dibenarkan untuk mengambil tindakan lain (by the resort) kepada satu permohonan untuk mengemukakan keterangan baru untuk tujuan mencabar kesahihan perintah reman.

[11] Sekiranya keterangan yang dipohon untuk dikemukakan adalah relevan dan akan memberi kesan kepada isu bicara yang dipersetujui, mahkamah ini berpendapat bahawa keterangan tersebut boleh didapati sebelum perbicaraan dimulakan ataupun selepas plaintif menutup kes. Malangnya, plaintif tidak mahu mengemukakan keterangan tersebut sehingga Peguam Kanan Persekutuan bagi defendan-defendan menyelesaikan hujah-hujah dan mahkamah telah menetapkan tarikh untuk keputusan pada 20 Oktober 2010. Di sini adalah penting untuk menyatakan saman dalam kamar (lampiran 45) hanya difailkan pada 19 Oktober 2010 walaupun pihak-pihak telah menyelesaikan hujah-hujah bagi keseluruhan kes pada 7 Oktober 2010.

[12] Mahkamah ini sedar bahawa secara am walaupun permohonan dibuat lewat dan sekiranya permohonan adalah untuk mengemukakan keterangan selanjutnya sebelum mahkamah memberi keputusan, mahkamah ini boleh memberi pertimbangan secara kehakiman untuk permohonan tersebut, iaitu, sekiranya

permohonan dibuat sucihati (in good faith), tidak mengkaburi isu yang telah dipersetujui dan tidak akan menjejaskan atau menimbulkan sebarang ketidakadilan kepada pihak penentang. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa sekiranya budibicara yang digunapakai tidak dibuat secara "arbitrarily" atau "capriciously" tetapi mesti dan patut dibuat di atas prinsip keadilan yang tepat dan kekal (established judicial principles). Plaintif tidak boleh dan tidak dapat menerima sebarang keistimewaan daripada mahkamah ini untuk mengemukakan keterangan di atas kemudahan atau "at the leisure of the plaintiff". Mahkamah ini tidak menggalakkan plaintif atau seorang litigant yang tidur di atas hak beliau dan kemudian bangun pada bila-bila masa yang mudah kepada beliau. Dalam keadaan tersebut, mahkamah ini tidak dapat melayan sebarang permohonan seperti ini.

[13] Di sini adalah penting untuk menyatakan dan merujuk bahawa "Equity aids the vigilant and not an indolent litigant." (*vigilantibus non dormientibus, jura subveniunt*) (Rujuk kes *Khor Cheng Wah v. Sungai Way Leasing Sdn Bhd* [1997] 1 CLJ 396; [1996] 1 MLJ 223 at 229).

Dalam kes *Maxwell v. Keun* [1928] 1 KB 645 mahkamah berkata:

> ... in the exercise of a proper judicial discretion no judge ought to make such an order as would defeat the rights of a party and destroy them altogether, unless he is satisfied that he has been guilty of such conduct that justice can only be properly done to the other party by coming to that conclusion.

[14] Mahkamah ini berpendapat bahawa permohonan plaintif tidak mempunyai asas dari segi undang-undang (no legal foundation) melainkan permohonan dibuat dengan niat menyalahguna proses mahkamah atau tidak sucihati.

[15] Di atas alasan-alasan tersebut dan mengikut sebab-sebab dan kehendak keadilan, saman dalam kamar (lampiran 45) ditolak dengan kos.